

TAHAP ASIMILASI ETNIK: KAJIAN KES MELAYU DAN CINA DI KELANTAN

MOHAMAD SUKOR BIN ABDUL KARIM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2012

TAHAP ASIMILASI ETNIK: KAJIAN KES MELAYU DAN CINA DI KELANTAN

Oleh

MOHAMAD SUKOR BIN ABDUL KARIM

Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan

Februari 2012

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan kehadrat ilahi atas limpah rahmatnya, akhirnya tesis ini berjaya dilengkap dengan lancar. Dengan izin Allah SWT juga, segalanya dipermudahkan dari awal sehingga tamat pengajian ini. Kejayaan menyiapkan tesis ini adalah sebahagian daripada semangat seorang ayah, Allahyarham Abdul Karim bin Musa (meninggal dunia pada 2004), yang mahu anak-anak berjaya di dunia dan akhirat. Tesis ini adalah hadiah buat ibuku Jamaliah Bin Mat yang tanpa jemu memberi dorongan dan semangat sepanjang pengajian di USM.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Azeem Fazwan Ahmad Farouk selaku Penyelia Utama yang membantu memberi tunjuk ajar dan perhatian sepanjang pengajian. Tidak lupa kepada Dr Zainal Abidin Sanusi, Dr Salfarina, Dr Zakaria, Dr Kamaruzaman Askandar, Dr Normee, dan semua Penyarah dan kakitangan di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Mereka ini turut membantu memberi dorongan dan semangat serta memberi pandangan berkaitan penyelidikan ini.

Penghargaan yang istimewa buat adik beradik Saidin, Johari, Fauzi, Siti Fatimah, Niamat, Masyhitoh, Mohd Amin, dan Siti Khalijah. Terima kasih kepada rakan-rakan sekeliling yang turut memberi semangat dan dorong serta sanggup membantu dalam menjayakan penyelidikan ini.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	I
SENARAI KANDUNGAN	II
SENARAI RAJAH	VII
SENARAI JADUAL	VIII
ABSTRAK	XIV
BAB 1 PENDAHULUAN	1-21
1.0 PENGENALAN	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	3
1.1.1 Hubungan Etnik di Malaysia	4
1.1.2 Profil Penduduk Negeri Kelantan	7
1.2 PERNYATAAN MASALAH	9
1.3 PERSOALAN KAJIAN	12
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	13
1.5 DEFINISI OPERASIONAL	13
1.5.1 Hubungan Etnik	13
1.5.2 Etnik Minoriti	14
1.6 RUANG LINGKUP DAN BATASAN KAJIAN	15
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	16
1.8 SUMBANGAN KAJIAN	17
1.9 ORGANISASI TESIS	18
1.10 KESIMPULAN	21

BAB 2	SOROTAN KARYA	22-54
2.0	PENGENALAN	22
2.1	HUBUNGAN ETNIK DI NEGERI KELANTAN	22
2.2	ANALISIS SOROTAN KARYA	25
	2.2.1 Etnik Mejoriti-Minoriti	25
	2.2.2 Ketegangan Hubungan Etnik	30
2.3	KONSEP-KONSEP ASAS HUBUNGAN ETNIK	31
	2.3.1 Konsep Masyarakat	31
	2.3.1.1 Konsep Etnik, Etniksiti	31
	2.3.1.2 Konsep Ras dan Rasisme	34
	2.3.1.3 Konsep Prejudis dan Stereotaip	35
	2.3.1.4 Konsep Diskriminasi	37
	2.3.2 Konsep Perpaduan dan Intergrasi	39
	2.3.2.1 Konsep Segregasi	39
	2.3.2.2 Konsep Akomodasi	39
	2.3.2.3 Konsep Akulturasi	40
	2.3.2.4 Konsep Asimilasi	40
	2.3.2.5 Konsep Amalgamasi	41
2.4	KERANGKA TEORI	43
2.5	KONSEP ASIMILASI DI DALAM HUBUNGAN ETNIK	48
2.6	KERANGKA KONSEPTUAL	51
2.7	KESIMPULAN	53

BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN	55-65
3.0	PENGENALAN	55
3.1	REKA BENTUK KAJIAN	56
3.2	PENGUMPULAN DATA	57
	3.2.1 Data Sekunder	57
	3.2.2 Data Primer	58
3.3	PEMBENTUKAN SOAL SELIDIK	58
3.4	PEMBENTUKAN SKALA	59
3.5	KAEDAH TINJAUAN KUANTITATIF	61
	3.5.1 Kaedah Persempelan	62
3.6	ANALISIS DATA KUANTITATIF	63
	3.6.1 Analisis Deskriptif	64
3.7	KESIMPULAN	65
BAB 4	PROFIL KAWASAN KAJIAN	66-71
4.0	PENGENALAN	66
4.1	LATAR BELAKANG NEGERI KELANTAN	66
4.2	PROFIL ETNIK CINA	69
4.3	KESIMPULAN	71
BAB 5	ANALISIS DATA DAN INTERPRETASI DATA	73-136
5.0	PENGENALAN	73
5.1	ANALISIS LATAR BELAKANG RESPONDEN	73
5.2	UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN	83
	5.2.1 Ujian Kebolehpercayaan Bagi Soalan di Dalam Bahagian Pengukuran Tingkahlaku etnik	83

5.2.1.1 Intergrasi Budaya	84
5.2.1.2 Intergrasi Sekunder	85
5.2.1.3 Intergrasi Primer	85
5.2.1.4 Intergrasi Nasional	86
5.2.2 Ujian Kebolehpercayaan Bahagian Pengukuran Persepsi Hubungan Etnik	86
5.2.2.1 Dimensi Sosial Budaya dan Status Sosial	86
5.2.2.2 Dimensi Ekonomi	87
5.2.2.3 Dimensi Politik dan Perundangan	88
5.2.3 Ujian Kebolehpercayaan bahagian Pengukuran Stereotaip	88
5.3 PENGUKURAN TINGKAHLAKU RESPONDEN	89
5.3.1 Perbincangan Hasil Dapatan Data	107
5.4 PENGUKURAN PERSEPSI ETNIK DI NEGERI KELANTAN	108
5.4.1 Analisis Tingkahlaku Etnik Cina di Negeri Kelantan	110
5.4.1.1 Intergrasi Budaya	114
5.4.1.2 Intergrasi Sekunder	115
5.4.1.3 Intergrasi Primer	117
5.4.1.4 Integrasi Nasional	119
5.4.1.5 Perbincangan Hasil Dapatan Data Tingkahlaku	121
5.4.2 Analisis Persepsi Etnik Cina	122

5.4.2.1	Dimensi Sosial Budaya dan Status Sosial	125
5.4.2.2	Dimensi Ekonomi	126
5.4.2.3	Dimensi Politik dan Perundangan	129
5.4.2.4	Perbincangan Hasil Dapatkan Data Persepsi	131
5.4.3	Analisis Stereotaip Etnik Cina	132
5.4.3.1	Perbincangan Hasil Dapatkan Data Stereotaip	135
5.5	PERBINCANGAN HASIL DAPATAN DATA KESELURUHAN	136
5.6	KESIMPULAN	136
BAB 6	PENUTUP	138-142
6.0	PENGENALAN	138
6.1	RUMUSAN PENEMUAN	139
6.2	IMPLIKASI KAJIAN	140
6.3	CADANGAN	141

SENARAI RAJAH

2.1	Fasa Asimilasi	44
2.2	Visual Kerangka Konseptual	53
3.3	Skala Pengukuran Persepsi Untuk Borang Soal Selidik	60
4.1	Peta Negeri Kelantan	67
4.2	Graf Petunjuk Jumlah Penduduk Negeri Kelantan Mengikut Jantina	68
5.1	Skala Pengukuran Tahap Asimilasi	109
5.2	Skala Pengukuran Tingkahlaku Etnik Cina di Negeri Kelantan	110
5.3	Petunjuk Tahap Asimilasi Etnik Cina Terhadap Persepsi Tingkahlaku	121
5.4	Petunjuk Tahap Asimilasi Etnik Cina Terhadap Persepsi	131
5.5	Petunjuk Tahap Asimilasi Etnik Cina Terhadap Stereotaip	135
5.6	Petunjuk Tahap Asimilasi Etnik Cina Terhadap Hasil Dapatkan Keseluruhan	136

SENARAI JADUAL

1.1	Jumlah Penduduk di Malaysia dan Negeri Kelantan	7
1.2	Jumlah Penduduk Mengikut Jajahan Di Kelantan	8
2.1	Model Separatisme	29
2.2	Perbezaan Konsep-Konsep Asas Dalam Konsep Masyarakat	38
2.3	Perbezaan-Perbezaan Konsep Dalam Hubungan Etnik	42
2.4	Tahap Asimilasi	44
4.1	Jumlah Penduduk Negeri Kelantan 2007	68
4.2	Jumlah Penduduk Berbangsa Cina Mengikut Kawasan Di Negeri Kelantan	69
4.3	Pegangan Agama Etnik Cina di Negeri Kelantan	70
5.1	Etnik Responden	74
5.2	Umur Responden	74
5.3	Jantina Responden	75

5.4	Klasifikasi Kawasan Kajian	75
5.5	Kategori Kawasan	77
5.6	Kawasan/Daerah Kajian	78
5.7	Agama Responden	79
5.8	Jantina Responden	80
5.9	Taraf Perkahwinan Responden	80
5.10	Tahap Pendidikan Responden	81
5.11	Aliran Pendidikan Responden	81
5.12	Sektor Pekerjaan Responden	82
5.13	Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Intergrasi Budaya	84
5.14	Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Intergrasi Sekunder	85
5.15	Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Intergrasi Primer	85
5.16	Ujian Kebolehpercayaan Dimensi Intergrasi Nasional	86
5.17	Ujian Kebolehpercayaan Untuk Dimensi Sosial Budaya Dan Status Sosial	86

5.18	Ujian Kebolehpercayaan Untuk Dimensi Ekonomi	87
5.19	Ujian Kebolehpercayaan Untuk Dimensi Politik Dan Perundangan	88
5.20	Ujian Kebolehpercayaan Untuk Stereotaip	88
5.21	Menghadiri Upacara Perkahwinan Kawan Yang Berbeza Kaum	89
5.22	Kekerapan Menghadiri Upacara Perkahwinan Kawan Yang Berbeza Kaum	90
5.23	Memakai Pakaian Tradisi Kaum Lain	91
5.24	Kekerapan Memakai Pakaian Kaum Lain	92
5.25	Menyertai Aktiviti Rekreasi Yang Melibatkan Kaum Lain	92
5.26	Kekerapan Menyertai Rekreasi Yang Melibatkan Kaum Lain	93
5.27	Bekerja Dengan Kaum Lain	94
5.28	Tempoh Bekerja dengan Kaum Lain	95
5.29	Berjiran Dengan Kaum Lain	95

5.30	Tempoh Berjiran Dengan Kaum Lain	97
5.31	Menyewa Rumah/Bilik Kepada Kaum Lain	97
5.32	Kekerapan Menyewa Rumah/Bilik Kepada Kaum Lain	98
5.33	Menghantar Anak Kecil Untuk Diasuh Kepada Kaum Lain	99
5.34	Tinggal Berhampiran Dengan Rumah Ibadat Yang Berlainan Agama	99
5.35	Tempoh Berhampiran Dengan Rumah Ibadat Yang Berlainan Agama	100
5.36	Menghadiri Upacara Kematian Sahabat Yang Berbeza Kaum	101
5.37	Menyertai Persatuan Yang Dianggotai Oleh Kaum Lain	102
5.38	Jumlah Persatuan Yang Dianggotai	102
5.39	Menjalin Hubungan Cinta Dengan Kaum Lain	103
5.40	Tempoh Menjalinkan Hubungan Cinta Dengan Kaum Lain	104
5.41	Bernikah Dengan Kaum Lain	104

5.42	Tempoh Bernikah Dengan Kaum Lain	105
5.43	Bernikah Dengan Kaum Lain Yang Seagama	105
5.44	Tempoh Bernikah Dengan Kaum Lain Yang Seagama	106
5.45	Menerima Anak Menantu Berlainan Kaum	106
5.46	Tempoh Bermenantukan Etnik Yang Berlainan	107
5.47	Ujian Silang-Selang	110
5.47	Ujian T Terhadap Tingkahlaku Etnik	111
5.48	Pecahan Skor Min Mengikut Setiap Soalan Dalam Bahagian Tingkahlaku Etnik	114
5.49	Ujian T Terhadap Dimensi Intergrasi Budaya	117
5.50	Ujian T Terhadap Dimensi Intergrasi Sekunder	118
5.51	Ujian T Terhadap Dimensi Intergrasi Primer	120
5.52	Ujian T Terhadap Dimensi Intergrasi Nasional	122
5.53	Ujian T Terhadap Persepsi Etnik Cina	124
5.54	Pecahan Skor Min Mengikut Setiap Soalan Di Dalam Bahagian Persepsi Etnik	125

5.55	Ujian T Terhadap Dimensi Sosial Budaya dan Status Sosial	125
5.56	Ujian T Terhadap Dimensi Ekonomi	127
5.57	Ujian T Terhadap Dimensi Politik dan Perundangan	153
5.58	Ujian T Terhadap Stereotaip Etnik	157
5.59	Pecahan Skor Min Mengikut Setiap Soalan di Dalam Bahagian Stereotaip	158

Tahap Asimilasi Etnik: Kajian Kes Melayu dan Cina di Kelantan

Abstrak

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis hubungan etnik di negeri Kelantan dengan memfokuskan tahap asimilasi etnik berbangsa Cina di negeri Kelantan. Bagi mencapai tujuan tersebut, satu kerja lapangan telah dijalankan melalui soal selidik. objektif utama kajian ini adalah untuk mengukur tahap asimilasi etnik Cina yang tinggal di negeri Kelantan. Bagi mencapai objektif tersebut, 200 orang responden dipilih yang terdiri dari kalangan dua kelompok etnik utama iaitu Cina dan Melayu. Sehubungan itu, skala pengukur dibina sebagai alat pengukur (instrumen) bagi mengukur tahap asimilasi etnik Cina berdasarkan tiga angkubah iaitu persepsi, tingkahlaku dan stereotaip. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap asimilasi etnik Cina di Kelantan berada pada tahap “lebih asimilasi. Secara keseluruhannya kajian ini telah mencapai objektifnya serta memperlihatkan tahap asimilasi etnik minoriti yang sebenar di negeri Kelantan.

**THE ASSIMILATION ETHNIC LEVEL : A CASE STUDY OF THE MALAY
AND CHINESE IN KELANTAN**

ABSTRACT

This thesis aims to examine and analyse the ethnic relationship with focusing the level of assimilation of Kelantanese's Chinese in Kelantan. To obtain it, a field work has been done throughout questionnaire. Main objective of this study is to measure the level of assimilation of the Chinese ethnic who live in Kelantan. Furthermore to attain the objective, 200 respondents have been selected among two majors ethnic which it Chinese and Malay. In line with that, a scale of measurement has been constructed as a tool (instrument) to quantify the level of Chinese ethnic assimilation according to three variables based on perception, behaviour and stereotype. The finding revealed that the stage of assimilation of the Chinese ethnic in Kelantan is at a level "extra assimilation". Overall, this study has achieved the objective, and reflects the exact minority ethnic level of assimilation in Kelantan.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara merdeka yang berlatarkan masyarakat berbilang etnik. Sebagai sebuah negara yang mempunyai latar masyarakat yang berbilang etnik, terdapat kepelbagaian budaya dan agama yang menjadi identiti sesuatu etnik. Selain itu, Hubungan etnik di Malaysia telah melalui banyak transformasi sejak dari zaman sebelum merdeka sehingga kini (Mansor 2006, pp.7-14).

Kerajaan Malaysia telah banyak memainkan peranan dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum (Abdul Halim Ramli, 2009.p.250). Walaupun pernah ada beberapa insiden pergaduhan etnik, pihak kerajaan telah bertindak serius bagi membendung pergaduhan etnik yang berlaku. Antara tindakan yang diambil oleh kerajaan ialah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi menyusun semula taraf ekonomi penduduk. DEB diperkenalkan ekoran daripada kegagalan strategi ekonomi negara dalam tahun 60an yang dilihat gagal mengagihkan kekayaan negara secara adil dan seimbang kepada semua etnik (Ibid.p. 196). Selepas daripada pergaduhan etnik yang besar di Kuala Lumpur (1969), masih ada beberapa pergaduhan kecil seperti di Kampung Rawa, Pulau Pinang (1998) dan Kampung Medan, Selangor (2001), (Syed Husin Ali, 2008. p.87). Walaupun terdapat beberapa insiden pergaduhan etnik di Malaysia, namun ianya tidak parah sehingga membawa kepada kempen penghapusan etnik seperti yang berlaku di Bosnia. Secara amnya,

rakyat berbilang kaum masih lagi hidup dalam keadaan harmoni dan makmur serta toleransi antara satu sama lain.

Kajian ini akan menyingkap hubungan etnik di Malaysia terutamanya di negeri Kelantan. Negeri Kelantan cukup terkenal dengan keunikan budaya dan cara hidup mereka. Berdasarkan beberapa penulisan lepas menunjukkan hubungan etnik yang baik telah sedia terbentuk sejak sekian lama. Impak daripada hubungan tersebut, terdapat sebilangan kecil etnik minoriti telah mengalami proses asimilasi seperti satu proses penyerapan nilai-nilai sosiobudaya etnik majoriti ke dalam etnik minoriti. Kajian ini adalah untuk melihat tahap asimilasi yang dihadapi oleh etnik minoriti di Kelantan terutamanya etnik Cina. Angkubah-angkubah seperti tingkahlaku etnik, persepsi dan stereotaip digunakan bagi menilai tahap asimilasi di negeri tersebut.

Walaupun terdapat banyak kajian mengenai proses asimilasi etnik minoriti di negeri Kelantan, namun secara keseluruhannya belum ada hasil kajian yang menunjukkan tahap asimilasi yang diukur secara “instrumen asimilasi” bagi membuktikan proses tersebut. Etnik Cina dipilih kerana berdasarkan kajian-kajian lepas yang banyak menumpukan proses asimilasi terhadap etnik tersebut. Bagi mendapat mendapat gambaran mengenai tahap asimilasi di Kelantan, penyelidik telah mengenalpasti dua instrumen pengukuran iaitu soal selidik dan skala pengukuran. Segala maklumat, fakta dan data yang berkaitan dengan angkubah-angkubah tersebut akan dipilih dan dikumpulkan bagi mendapat bukti mengenai tahap asimilasi etnik Cina di negeri Kelantan.

Dalam bab pertama ini secara umumnya membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, definisi operasional, ruang lingkup dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan organisasi kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai latarbelakang sejarah yang cukup unik dan menarik. Sejak sebelum zaman kesultanan Melaka lagi, telah wujud masyarakat yang mempunyai latar belakang etnik yang berbeza. Pada zaman penaklukan penjajah masyarakat berlainan etnik semakin berkembang hasil dari dasar penjajah yang membawa masuk buruh-buruh dari India dan Cina. Manakala terdapat juga sejumlah masyarakat pelbagai keturunan dari Indonesia berhijrah ke Tanah Melayu ketika itu, ekoran kepayaan hidup kesan dari penjajahan Belanda. Selain membawa masuk imigran asing ke negara ini, pihak penjajah turut mempunyai kepentingan dalam mengeksplorasi segala kekayaan ekonomi dan sumber semulajadi negera ini untuk kepentingan ekonomi negara mereka (Abdul Halim Ramli, 2009). Menurut Furnivall, masyarakat majmuk yang terbentuk ketika zaman penjajah merupakan masyarakat yang “bercampur tetapi tidak bergabung” secara padu (Furnivall, 1948).

Semasa zaman penjajahan lagi telah wujud beberapa pertubuhan yang ditubuhkan oleh masyarakat yang berbagai etnik. Para pemimpin dari latarbelakang pelbagai etnik bersatu dan berpadu hati dalam usaha mencapai kemerdekaan bagi membina sebuah negara yang berdaulat, setelah sekian lama dijajah oleh British (Mansor et.al, 2005).

1.1.1 Hubungan Etnik di Malaysia

Keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang harmoni dengan berlatarkan pelbagai etnik telah menarik minat ramai penyelidik yang mengkaji tentang hubungan etnik yang terdapat di negara ini. Antara mereka yang telah mendalami tentang hubungan etnik di Malaysia ialah Furnivall (1948), Rabushka (1973), Hirshman (1972), Mohamed Aris Othman (1977), Tan Chee Beng (1982), Winzelar, R.L (1985), Horowitz (1983), Mansor Mohd Noor (2005) dan Shamsul A.B (2007). Mereka ini merupakan antara pengkaji yang aktif mengkaji tentang hubungan etnik di Malaysia.

Hubungan etnik di Malaysia telah mengalami perubahan selepas negara mendapat kemerdekaan. Kerajaan tekad menyusun pelbagai program dalam usaha untuk mengukuh jalinan antara kaum agar hubungan antara etnik dapat di perkukuhkan. Sehingga hari ini hubungan etnik di Malaysia telah melalui beberapa peringkat transformasi (Mansor, 2006.). Walaupun terdapat beberapa insiden pergaduhan etnik, pihak kerajaan telah berjaya menyelesaikan dengan baik. Hasil yang positif dapat dilihat dari persefahaman masyarakat terhadap usaha-usaha kerajaan dalam usaha merapatkan kembali jurang perbezaan etnik. Banyak peruntukan telah disalurkan oleh kerajaan bagi semua rakyat menikmati agihan kerajaan yang adil dan saksama.

Selain itu, hubungan etnik sangat berkait rapat dengan soal perpaduan dan perdamaian. Munurut Kamarulzaman Askandar dalam bukunya yang bertajuk Budaya Perdamaian Budaya Kita, turut mengambarkan bahawa “ hubungan etnik adalah antara isu yang paling penting dalam sejarah pembentukan negara-bangsa Malaysia”. Beliau telah mendedahkan beberapa isu-isu hubungan etnik yang boleh

mencetuskan bahaya kepada negara. Dalam soal ini, beliau melihat etniksiti sering digunakan bagi kepentingan kumpulan-kumpulan tertentu bagi mendapat kuasa. Beberapa contoh insiden etnik diambil bagi menerangkan bahawa bahayanya insiden ini yang boleh membawa kepada berlakunya konflik etnik. Antara contohnya ialah insiden Kampong Rawa dan Kampung Medan. Menerusi data-data yang dikumpulkan oleh Jabatan Perpaduan menunjukkan insiden konflik sosial akibat dari isu etnik atau perkauman adalah sangat sedikit iaitu satu peratus dari semua jenis isu konflik (Kamarulzaman Askandar, 2006).

Di samping itu, beliau turut mendedahkan bahawa terdapat beberapa kelompok yang membuat keluhan tentang status dan tahap hubungan etnik di negara ini (*Ibid.*). Berikut adalah penjelasan beliau berkenaan kelompok tersebut:

“...pertama, golongan yang pernah melalui era perpaduan dalam masyarakat. Yang membesar, bermain, belajar, dan berkongsi sejarah dalam masyarakat majmuk dengan kepelbagaiannya etnik, budaya dan agama. Golongan ini sering membuat perbandingan antara masyarakat sekarang dengan masyarakat dahulu, dan melihat masyarakat sekarang sebagai sudah hilang perpaduan, dan hubungan etnik sekarang tidak lagi lagi semurni dulu kerana telah dikotori oleh politik – ahli politik dan kepentingan politik. Kedua, golongan yang melihat hubungan etnik sebagai sesuatu yang tidak relevan. Yang melihat kepentingan sendiri, samada individu ataupun kelompok, samada ekonomi atau politik, samada sekarang atau masa depan, sebagai sesuatu yang lebih penting. Usaha mencapai perpaduan yang dijalankan dilihat sebagai boleh melemahkan (secara sengaja atau tidak) kepentingan dan kedudukan mereka yang selalunya sangat fokus, kepada etnisiti, bahasa, budaya, ekonomi, serta politik. Keluhan-keluhan ini harus ditanggapi sebagai cabaran pembangunan negara.” (Kamarulzaman Askandar, 2006)

Umum mengetahui bahawa sejarah moden Malaysia pernah mencatatkan bahawa berlakunya pertumpahan darah akibat daripada ketegangan etnik yang

membawa kepada pergaduhan pada 13 Mei 1969. Peristiwa tersebut telah meninggalkan kesan yang amat pedih sepanjang sejarah hubungan etnik di Malaysia. Sehingga hari ini, masyarakat kita sering diingatkan agar tidak membangkitkan isu-isu sensitif bagi mengelakkan peristiwa yang sama berulang.

Selepas peristiwa Mei 1969, pelbagai langkah diambil bagi memulihkan semula keadaan negara termasuk hubungan etnik yang telah renggang akibat daripada insiden berdarah tersebut. Peristiwa tersebut telah membawa banyak perubahan dalam gaya hidup masyarakat dan kerajaan, (Abdul Rahman, 2005) yang sedar akan kesan daripada perpecahan kaum dalam masyarakat Malaysia. Dasar Ekonomi Baru (DEB) secara khususnya adalah untuk mensasarkan penyertaan golongan Bumiputera dalam sektor ekonomi yang berada pada kedudukan yang tercorot pada tahun 1970. Pada awal perlaksanaannya, rancangan ini telah meningkatkan penyertaan golongan Bumiputera dan dijangka tidak akan mengganggu perkembangan ekonomi golongan bukan Bumiputera yang dijangka semakin berkembang pesat (*ibid.* P.359). perkembangan ini dilihat sebagai usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh bagi meningkat semula taraf ekonomi rakyat disamping mengeratkan semula hubungan antara kaum yang telah renggang akibat dari peristiwa tersebut.

Oleh itu, kemiskinan yang membelenggu hidup mereka telah mengakibatkan mereka bangkit menyatakan rasa tidak puashati di atas dasar agihan ekonomi yang dibuat oleh kerajaan. Misalnya siri bantahan yang dibuat oleh pihak Hindraf yang merupakan pertubuhan yang mewakili segelintir masyarakat India di Malaysia, mereka telah mengadakan bantahan terhadap dasar kerajaan terhadap mereka dimana satu memorandum telah dihantar kepada kerajaan Britian bagi meluahkan perasaan mereka yang rasa ditindas oleh dasar-dasar yang dibuat oleh

kerajaan Malaysia. Dalam Memorandum tersebut turut mendakwa penindasan yang dihadapi oleh etnik India membawa kepada “penghapusan etnik”. Namun beberapa intipati memorandum tersebut dibantah oleh pelbagai pihak kerana memberi gambaran yang tidak pernah berlaku di Malaysia. Beberapa siri bantahan oleh kumpulan ini turut mengundang rasa kurang senang sebilang besar kaum lain yang bimbang boleh mengancam keharmonian hubungan etnik yang sedia ada.

Kesan daripada kebangkitan masyarakat India yang simpati dengan perjuangan Hindraf telah diterjemahkan dalam pilihan raya yang lalu di mana sebilangan besar daripada mereka memilih calon-calon dari parti-parti pembangkang. Manakala jumlah ahli parlimen dari parti-parti pembangkang meningkat dengan mendadak. Keadaan ini mungkin berlaku akibat dari perlaksaan DEB yang tidak menguntungkan semua kaum.

1.1.2 Profil Penduduk Kelantan

Pemilihan Kelantan sebagai sebuah kawasan kajian kerana negeri ini mempunyai nilai budaya yang cukup tinggi disamping mempunyai populasi kaum yang berbeza. Selain itu, ramai penyelidik yang telah melakukan kajian berkenaan hubungan etnik di negeri Kelantan. Terdapat juga kalangan mereka yang menyentuh soal proses asimilasi yang berlaku kalangan etnik minoriti di Kelantan.

Jadual 1.1: Jumlah Penduduk di Malaysia dan Negeri Kelantan 2010

	Warganegara						Bukan Bumiputera
	Melayu	Bumiputera lain	Cina	India	lain-lain	jumlah	
Malaysia	14,749,378	3,197,993	6,520,559	1,969,343	347,692	26,784,965	2,125,830
Kelantan	1,552,495	13,893	54,533	4,047	16,053	1,641,021	36,980

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2010 berdasarkan unjuran yang dibuat pada tahun 2000.

Berdasarkan Jadual 1.1, jumlah penduduk Malaysia secara keseluruhannya melebihi 26 Juta orang, daripada jumlah tersebut jumlah penduduk bagi tiga kaum yang terbesar iaitu Melayu 14.7 juta, Cina 6.5 juta, dan India 1.9 juta, selebihnya adalah bumiputera lain dan lain-lain. manakala di negeri Kelantan jumlah penduduk etnik Melayu ialah 1.5 juta, manakala etnik Cina dan India masing-masing 54 ribu dan 4 ribu. Keseluruhan jumlah penduduk Kelantan ialah 1.6 juta, ini bermakna etnik Melayu merupakan kaum majoriti yang terbesar di Kelantan iaitu melebihi 90 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Kelantan.

Jadual 1.2: Jumlah Penduduk Mengikut Jajahan di Kelantan

Jajahan	Jumlah Penduduk							
	1980	1991	2000	2001	2002	2003	2004	2005
Bachok	73,953	98,557	111,040	112,039	113,048	114,065	115,092	116,128
Kota Bharu	275,986	366,770	406,662	410,322	414,015	417,741	421,501	425,294
Machang	58,040	71,584	79,032	79,743	80,461	81,185	81,916	82,653
Pasir Mas	118,153	150,035	165,126	166,612	168,112	169,625	171,151	172,692
Pasir Puteh	90,959	96,348	106,138	107,093	108,057	109,030	110,011	111,001
Tanah Merah	61,996	94,611	103,487	104,418	105,358	106,306	107,263	108,228
Tumpat	85,952	116,044	134,812	136,025	137,250	138,485	139,731	140,989
Gua Musang	18,578	63,816	76,655	77,345	78,041	78,743	79,452	80,167
Kuala Krai	62,301	90,830	93,550	94,392	95,241	96,099	96,964	97,836
Jeli	23,352	32,720	36,512	36,841	37,172	37,507	37,844	38,185
Jumlah	859,270	1,181,315	1,313,014	1,324,831	1,336,755	1,348,785	1,360,924	1,373,173
Jadual 1.2 : Jumlah Penduduk mengikut daerah-daerah yang terdapat di negeri Kelanta dari tahun 1980 hingga 2005. Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia Nota: Anggaran berdasarkan banci penduduk atas kadar pertumbuhan Tahunan Purata Penduduk sebanyak 0.9 peratus								

Berdasarkan Jadual 1.2, perincian penduduk negeri Kelantan dapat dibuat berdasarkan pembahagian mengikut jajahan-jajahan yang terdapat di seluruh negeri Kelantan bagi tahun 1980 hingga 2005. Jajahan Kota Bharu mencatatkan jumlah penduduk yang paling ramai berbanding dengan kawasan jajahan yang lain. Jumlah penduduk Kota Bharu terus mencatatkan peningkatan selama 25 tahun iaitu dari tahun 1980 sehingga 2005. Manakala jajahan Pasir Mas menjadi jajahan yang kedua tertinggi selepas jajahan Kota Bharu, turut mencatatkan peningkatan penduduk dari tahun 1980 hingga 2005. Berbeza dengan jajahan Gua Musang yang telah mencatatkan pertambahan penduduk yang begitu luar biasa iaitu 18 ribu penduduk pada tahun 1980 kemudian jumlahnya meningkat dengan mendadak pada tahun 1990 iaitu 63 ribu dan terus meningkat sehingga tahun 2005. Jajahan Jeli adalah jajahan yang mempunyai jumlah penduduk yang paling kecil di negeri Kelantan.

Berdasarkan kajian-kajian sebelum ini, kebanyakannya kajian asimilasi etnik hanya tertumpu dalam soal sosiobudaya, dan ekonomi serta identiti etnik. Namun aspek tingkahlaku, persepsi dan stereotaip belum diterokai sepenuhnya. Menerusi kajian ini, penyelidik cuba mendapatkan gambaran tingkahlaku, persepsi dan stereotaip menerusi tinjauan yang dibuat di beberapa kawasan di Kelantan.

1.2 Pernyataan Masalah

Penekanan terhadap kestabilan hubungan etnik penting agar hubungan antara etnik berada dalam keadaan yang terkawal. Sekiranya sensitiviti setiap kaum tidak diambilkira dan ditangani, konflik antara kaum akan berlaku dan boleh memusnahkan kestabilan negara seperti yang berlaku di Bosnia, Sri Lanka dan kebelakangani ini di Nigeria dan Sudan.

Secara umumnya, kita masih berasa selesa dengan keadaan hubungan etnik yang harmoni baik di mana Masyarakat berbilang kaum dapat hidup dalam keadaan harmoni dan saling bertolak ansur antara satu sama lain. Namun, sekiranya keharmonian hubungan etnik yang ditunjukkan merupakan sesuatu yang benar-benar tulen dan sebatи dalam jiwa setiap rakyat, persoalannya mengapa masih timbul konflik antara kaum yang mengakibatkan berlakunya perbalahan yang menyebabkan pertumpahan darah. Sepanjang lebih 50 tahun Malaysia merdeka terdapat beberapa peristiwa pergaduhan etnik yang berlaku antaranya ialah peristiwa rusuhan etnik Mei 1969 (sekitar Selangor dan Kuala Lumpur), insiden di Kampung Rawa (Pulau Pinang) dan Kampung Medan (Petaling Jaya, Selangor). Ekoran daripada peristiwa-peristiwa pergaduhan etnik ini, wujud keraguan adakah hubungan etnik di Malaysia berada dalam keadaan stabil dan selesa.

Walaupun usia kemerdekaan Malaysia telah melangkah lebih 50 tahun, banyak pengalaman dan cabaran telah dilalui dan mematangkan Malaysia sebagai sebuah negara yang berjaya. Disebalik cabaran yang dilalui masih ada lagi sentimen-sentimen etnik yang kuat. Syed Husin Ali(2008), telah mendedahkan beberapa sentimen yang masih kuat dalam konteks hubungan etnik di negara ini. Antara sentimen yang masih bermain dalam masyarakat kita ialah tidak menghormati sensitiviti sesebuah etnik seperti melukakan perasaan etnik tertentu dengan sengaja sehingga boleh menimbulkan kemarahan dan kebencian terhadap kumpulan etnik yang lain. Selain itu, latarbelakang etnik yang berdasarkan agama dan budaya boleh menimbulkan stereotaip kalangan etnik dan secara langsung boleh mengakibatkan prejudis di antara etnik. Keadaan ini boleh mencetuskan ketegangan yang boleh menjelaskan hubungan antara etnik, dan turut dibimbangi boleh mencetuskan konflik antara etnik (Syed Husin Ali, 2008.p. 88).

Secara umumnya, Negeri Kelantan merupakan salah sebuah negeri yang menpunyai peratusan penduduk Melayu yang sangat tinggi iaitu 95 peratus, 3.8 peratus Cina, 0.3 peratus India dan 0.9 peratus lain-lain kumpulan etnik iaitu Siam dan Orang Asli (Ngeow Yeok Meng, 2007). Menerusi tinjauan bacaan, terpadapat beberapa pendapat yang menyatakan ada dikalangan golongan bawahan bukan Melayu seperti masyarakat yang telah mengalami assimilasi sepenuhnya (Syed Husin, 2008: p 16) dan asimilasi Cina Peranakan Kelantan ke dalam budaya masyarakat majoriti (Kok Seong Teo,2003).

Berdasarkan tinjauan terhadap beberapa hasil kajian lepas yang dijalankan di Kelantan, proses asimilasi dijelaskan dalam soal kebudayaan dan skopnya hanya tertumpu pada sosiobudaya masyarakat minoriti yang dipengaruhi oleh masyarakat majoriti. Berdasarkan pandangan Syed Husin sendiri menunjukkan bahawa hanya golongan minoriti bawahan sahaja yang mengalami asimilasi sepenuhnya. Hal ini, diandaikan bahawa berlaku kerana survival masyarakat bawahan yang terpaksa tinggal dalam kalangan masyarakat majoriti yang cukup besar.

Tan Chee Beng turut berpendapat bahawa “ *mutual assimilation of members is possible through intermarriage.* ” ini bermakna bahawa asimilasi boleh berlaku setelah sesuatu etnik berkahwin dengan etnik yang berlainan. Misalnya perkahwinan di antara etnik Cina dan Melayu, secara tidak langsung membawa penukaran agama kepada agama Islam. Apabila seseorang etnik Cina mengamalkan tradisi Islam dan rapat dengan etnik Melayu, sangat mudah baginya untuk asimilasi (Tan Chee Beng, 1984. p. 200) . Asimilasi melalui perkahwinan boleh dilihat berdasarkan perubahan gaya hidup dan sosiobudaya etnik tertentu, namun tidak diketahui sejauhmanakah mereka benar-benar berasimilasi. Etnik Cina yang berasimilasi ke dalam masyarakat Melayu tidak semestinya bergantung kepada kesediaan mereka menjadi sebahagian

etnik Cina sahaja tetapi juga menjadi sebahagian daripada etnik Melayu (Ibid. p.201).

Selain itu, Hanapi Dollah (1986), hanya meneliti proses asimilasi kalangan etnik minoriti keturunan Cina di Kelantan berdasarkan corak kebudayaan dan melihat faktor-faktor yang memberi kesan kepada proses asimilasi tersebut (Hanapi Dollah, 1986. p. 13). Kajian beliau tidak menyentuh tahap asimilasi dikalangan etnik minoriti berketurunan Cina.

Kajian yang telah dijalankan oleh Winzeler turut mendedahkan stereotaip yang wujud dalam kalangan masyarakat di Kelantan (Winzelar,1985: p.117). keadaan ini menunjukkan perbezaan jumlah penduduk di antara etnik majoriti dan minoriti boleh mencetuskan persepsi yang boleh membawa kepada stereotaip terhadap kumpulan etnik tertentu.

1.3 Persoalan Kajian

Kewujudan hubungan etnik di negeri Kelantan telah menarik minat penyelidik untuk menyelami dengan lebih mendalam berhubung tahap asimilasi kalangan etnik minoriti berketurunan Cina. Berdasarkan kepada huraian pernyataan masalah yang telah disebut di atas, maka kajian ini meneliti beberapa persoalan seperti berikut:

1. Sejauhmanakah penerimaan etnik majoriti terhadap asimilasi etnik minoriti yang berketurunan Cina?
2. Apakah tahap asimilasi kalangan etnik Cina di negeri Kelantan?
3. Sejauhmanakahtingkahlaku etnik, persepsi dan stereotaip mempengaruhi tahap asimilasi etnik Cina di negeri Kelantan?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan huraian pada pernyataan masalah, objektif umum kajian ini adalah untuk menilai tahap asimilasi dikalangan etnik berbangsa Cina negeri Kelantan. Manakala objektif khusus seperti berikut:

1. Menilai penerimaan etnik majoriti terhadap asimilasi etnik minoriti
2. Menganalisis tahap asimilasi etnik Cina di negeri Kelantan
3. Menganalisis dan menghuraikan angkubah tingkahlaku etnik, persepsi dan stereotaip dalam menilai tahap asimilasi etnik Cina di negeri Kelantan

1.5 Definisi Operasional

Hubungan etnik bukannya pekara baru bagi rakyat Malaysia, memandangkan Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mempunyai latar masyarakat yang berbilang kaum dan etnik. Keadaan hubungan etnik yang “akrab” di sesetengah tempat di Malaysia seperti Kelantan, Terengganu, Melaka, Sarawak dan negeri-negeri lain telah menwujudkan suatu hubungan yang harmoni dan aman. Impak daripada hubungan akrab antara etnik yang berbeza telah membawa kepada proses pemahaman dan bertolak ansur di antara satu sama lain.

Bagi memudahkan perbincangan, dua konsep penting diberikan definisi secara operasional mengikut kajian ini. Konsep yang pertama ialah hubungan etnik manakala konsep yang kedua ialah etnik minoriti.

1.5.1 Hubungan Etnik

Kajian ini akan menumpukan hubungan etnik di Kelantan dengan melihat hubungan di antara etnik minoriti dengan etnik majoriti. Umum mengetahui bahawa

Kelantan merupakan sebuah negeri yang mempunyai bilangan etnik majoriti iaitu Melayu yang begitu dominan di negeri tersebut.

Tujuan utama hubungan etnik diketengahkan di dalam kajian ini ialah untuk melihat tahap asimilasi etnik minoriti yang berketurunan Cina di negeri Kelantan. tahap asimilasi pernah digunakan oleh Gordon bagi melihat tahap asimilasi masyarakat imigran yang tinggal di Amerika Syarikat (Gordon, 1964).

1.5.2 Etnik Minoriti

Etnik minoriti merupakan kumpulan etnik yang mempunyai bilangan etnik yang lebih kecil dan tinggal di dalam kelompok etnik minoriti yang lebih dominan. Ertikata mudah etnik minoriti boleh dijelaskan dengan merujuk kepada jumlah bilangan penduduk mengikut etnik.

Selain itu, Charles Wagley dan Marvin Harris (1964) telah mendefinisi etnik minoriti dengan mengariskan lima ciri-ciri etnik minoriti iaitu,

“.....1. the group receives unequal treatment as a group; 2. the group is easily identifiable because of distinguishing physical or cultural characteristics that are held in low esteem; 3. the group feels a sense of peoplehood—that each of them shares something in common with other members; 4. membership in the minority group has ascribed status: One is born into it; 5. group members practice endogamy: they tend to marry within their group, either by choice or by necessity because of their social isolation.”(Charles Wagley dan Marvin Harris, 1964).

Etnik minoriti berkait rapat dengan proses asimilasi di mana terdapat ramai etnik minoriti yang telah berasimilasi ke dalam etnik majoriti. Namun terdapat juga

etnik minoriti yang tidak mengalami proses asimilasi. Dalam hal ini Shamsul A.B et. al (2005) telah menjelaskan mengenai kedatangan kaum Cina dan India yang dibawa ke Tanah Melayu secara tidak sukarela telah mengakibatkan mereka gagal berasimilasi dengan penduduk, alam sekitar, dan sistem sosial-politik-agama tempatan. Kegagalan tersebut juga menyebabkan mereka dari kelompok yang lain walaupun tinggal di tempat yang sama (Shamsul A.B et. al, 2005).

Kajian ini telah menjelaskan mengenai pertautan di antara hubungan etnik, etnik minoriti dan asimilasi. Kekuatan dalam hubungan etnik secara langsung mempengaruhi proses asimilasi dalam kalangan etnik minoriti. Keadaan ini terbukti di Negeri Kelantan di mana ramai etnik minoriti yang berbangsa Cina mengalami proses asimilasi. Etnik tersebut melalui beberapa fasa proses asimilasi termasuk perkahwinan campur, pengaruh budaya etnik minoriti, faktor sekeliling dan lain-lain lagi. Namun elemen-elemen seperti tingkahlaku, persepsi dan stereotaip menjadi angkubah bagi mengukur tahap asimilasi di negeri Kelantan.

1.6 Ruang Lingkup dan Batasan kajian

Skop atau ruang lingkup dan batasan kajian merupakan salah satu pekara yang sangat penting untuk melakukan sesuatu kajian, tanpa ruang lingkup, kajian yang dijalankan tidak mempunyai fokus terhadap apa yang hendak dihasilkan. Batasan kajian adalah ini, membataskan kajian kepada beberapa bahagian agar kajian yang hendak dijalankan selari dengan kehendak objektif kajian. Antara batasan-batasan kajian yang selari dengan penyelidikan ini adalah:

1. Batasan kajian iaitu penyelidikan ini dijalankan dengan memfokuskan tentang hubungan etnik yang terdapat di negeri Kelantan. Penyelidikan ini lebih tertumpu kepada tahap asimilasi etnik Cina di negeri Kelantan

2. Batasan negeri iaitu penyelidikan ini hanya dibuat di negeri Kelantan sahaja, tidak ada kajian bandingan dengan negeri-negeri lain. Pemilihan negeri Kelantan telah dinyatakan secara terperinci dalam bahagian 1.1.2. Penyelidikan ini dijalankan di beberapa daerah atau jajahan sebagai mewakili seluruh kawasan di negeri Kelantan. Penyelidik tidak berupaya untuk melaksanakan kajian diseluruh negeri Kelantan, tetapi penyelidik hanya mampu memilih beberapa kawasan seperti Pasir Mas, Kota Bharu, Rantau Panjang, Tanah Merah dan Jeli sebagai kawasan kajian.
3. Batasan etnik merupakan pekara yang sangat penting dalam penyelidikan ini. Negeri Kelantan cukup terkenal sebagai sebuah negeri yang mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya. Dalam kajian ini penyelidik hanya menggunakan dua etnik utama di Kelantan iaitu Melayu dan etnik Cina. Tujuan penyelidikan memilih kedua-dua etnik adalah untuk mendapatkan gambaran jelas cara hidup etnik dengan membandingkan kedua-dua etnik tersebut.
4. Batasan responden memperlihatkan cara penyelidik memilih responden yang digunakan dalam penyelidikan ini. Responden dipilih berdasarkan kiraan sampel yang dipilih mengikut kaedah pesampelan berstrata. Pemilihan responden tidak menghadkan umur, latarbelakang keluarga, pendapatan dan taraf pendidikan. Selain itu, pemilihan responden dalam penyelidikan ini berdasarkan populasi penduduk yang terdapat di negeri Kelantan.

1.7 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini sama seperti dengan penyelidikan yang lain, mendedahkan tentang penemuan baru dari hasil penyelidikan sebagai khazanah baru kepada dunia akademik. Walaupun kajian ini dikembangkan daripada kajian-kajian yang

terdahulu, namun ianya berbeza kerana penyelidikan ini meneliti aspek-aspek yang belum disentuh secara mendalam. Misalnya Mohamad Zaini (2008), kajian pengukuran tahap perpaduan perpaduan antara etnik di negeri Pulau Pinang, melihat secara mendalam tahap perpaduan antara etnik yang terdapat di negeri Pulau Pinang.

Selain itu, pendekatan “ a state in stable tension” yang diketengahkan oleh tokoh akademik yang terkemuka iaitu Shamsul A.B (2005), boleh menjadi kayu ukur terhadap tahap hubungan etnik. Hal ini, menunjukkan bahawa kajian mengenai tahap hubungan etnik begitu penting agar satu penanda aras dapat dibuat sebagai panduan kita semua.

Menerusi penyelidikan ini, beberapa kepentingan kajian telah dikenalpasti, antaranya ialah manfaat penyelidikan ini kepada masyarakat umumnya dan khususnya kepada negara. Hasil kajian ini akan menjadi panduan kepada negara bagi menilai dan membaiki tahap hubungan etnik yang sedia ada agar sebarang konflik etnik dapat dielakkan. Disamping itu, ia juga menjadi panduan kepada masyarakat kita bagi melihat betapa pentingnya menjaga hubungan etnik dengan baik.

Selain itu, penyelidikan ini akan mendedahkan penemuan baru daripada hasil pengumpulan data yang dibuat di kawasan kajian. Penemuan baru ini akan menjadi koleksi dalam dunia akademik dan dapat mencambahkan ilmu pengetahuan untuk tatapan masyarakat kita

1.8 Sumbangan Kajian

Setiap hasil penyelidikan mahupun kajian mempunyai sumbangan kepada perkembangan ilmu dan implikasinya kepada masyarakat. Secara keseluruhannya terdapat tiga sumbagang utama kajian iaitu:

- I. Sumbangan kajian ini yang pertama ialah manfaat yang akan diterima oleh pihak kerajaan, baik kerajaan pusat maupun kerajaan negeri. Manfaat yang diterima oleh kerajaan adalah mendapat gambaran mengenai keharmonian hubungan etnik yang tidak dicemari oleh perbalahan antara etnik. Hal ini selaras dengan kehendak kerajaan yang ingin melihat konsep Satu Malaysia menyerap disanubari setiap rakyat Malaysia.
- II. Selain itu, agensi-agensi kerajaan dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan turut mendapat manfaat daripada kajian ini. Keadaan hubungan etnik yang digambarkan membantu mereka untuk berurusan dengan masyarakat yang berbagai etnik. Jika tidak ada gambaran mengenai hubungan etnik, ianya akan menyukarkan pihak agensi dan pertubuhan untuk mendekati kumpulan etnik tertentu.
- III. Akhir sekali, penyelidikan ini turut memberi manfaat kepada para penyelidik yang ingin mengkaji hubungan etnik. Kelebihan yang akan mereka perolehi ialah dapat menggunakan skala pengukur yang diuji dalam kajian ini. Skala pengukur tersebut dapat digunakan dalam pelbagai situasi terutamanya bertujuan mengukur sesuatu tahap.

1.9 Organisasi Tesis.

Bab 1, adalah bab pengenalan yang mendedahkan mengenai kerangka awal penyelidikan dan mengambarkan secara umum penyelidikan yang dilaksanakan seterusnya. Pada bab ini penyelidik telah mengariskan beberapa elemen penting antaranya latar belakang kajian iaitu pernyataan masalah,persoalan kajian dan objektif kajian. Selain itu, penyelidik mendedahkan serba ringkas mengenai hubungan etnik yang berlaku di Malaysia dan negeri Kelantan secara umum sebagai tinjauan awal terhadap penyelidikan ini. Bagi melaksanakan penyelidikan ini dengan lebih

berkesan, penyelidik meletakkan ruang lingkup dan batasan kajian supaya penyelidikan ini mempunyai landasan yang kukuh agar tidak terpesong daripada kehendak objektif penyelidikan. Akhir sekali, penyelidik menggariskan kepentingan kajian sebagai penegasan penyelidik bahawa penyelidikan ini akan memberi impak positif kepada masyarakat dan dunia akademik. Secara keseluruhannya bab ini menjadi kayu ukur sejauhmanakah penyelidikan ini dapat dilaksanakan dengan baik. Di samping itu, menjadi panduan untuk penyelidik bagi menjalankan penyelidikan dengan lebih berkesan.

Bab 2, bab ini adalah bab yang menuntut penyelidik untuk melakukan tinjauan terhadap data-data sekunder menerusi bahan bacaan seperti jurnal, buku, artikel-artikel dan sebagainya. Dalam bab ini, penyelidik menghuraikan bahan-bahan bacaan tersebut secara mendalam menerusi sorotan karya dan penjelasan teori terhadap teori asimilasi dan konsep asimilasi. Konsep asimilasi dipilih sebagai konsep untuk dibincangkan bersama dengan dapatan kajian. Di akhir bab ini, penyelidik menerangkan dengan lebih teperinci berkenaan kerangka koseptual yang menjelaskan hubungan antara konsep dengan aspek-aspek penting yang hendak diteliti dalam penyelidikan ini

Bab 3, merupakan bab yang menerangkan mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan dalam penyelidikan ini. Pada peringkat awal bab ini, penyelidik membincangkan sumber data yang diperolehi iaitu, data sekunder dan data primer. Setelah memperoleh data sekunder penyelidik membina soalan-soalan dalam borang soal selidik sebagai instrumen penting dalam kajian ini. Bagi memperoleh data yang selaras dengan objektif penyelidikan, penyelidik memilih “skala Likert” sebagai pilihan jawab kepada responden. Seterusnya penyelidik hanya membincang tinjauan kuantitatif sepenuhnya kerana ianya merupakan satu-satunya keadaan yang digunakan

oleh penyelidik bagi memperolehi data semasa kerja-kerja lapangan dijalankan. Menerusi kaedah kuantitatif, penyelidik memilih perempelan rawak bersrata bagi mendapatkan bilangan responden yang dikehendaki. Selepas mengenal pasti kaedah yang hendak digunakan dalam penyelidikan ini, langkah seterusnya ialah mengumpul data mengikut persediaan yang telah dibuat. Penyelidik membawa borang soal selidik di lapangan untuk diedarkan kepada kumpulan responden yang disasarkan mengikut sampel yang dipilih. Setelah memperolehi semua data, penyelidik membuat penganalisisan dengan menggunakan alat analisis untuk mendapat jawapan secara keseluruhan daripada data tersebut.

Bab 4, merupakan bab yang menerangkan dengan ringkas mengenai profil Negeri Kelantan. Intipati bab ini mengenegahkan beberapa pekara seperti, latar belakang penduduk Negeri Kelantan dan profil etnik Cina di negeri tersebut.

Bab 5 adalah bab menganalisis semua data yang diperoleh terutamanya data primer. Penyelidik memilih cara analisis berkomputer dengan menggunakan SPSS bagi mendapatkan mendapat jawapan daripada hasil dapatan kajian. Pada peringkat awal bab ini, penyelidik menganalisis latar belakang responden, kemudian penyelidik menganalisis ujian kebolehpercayaan terhadap setiap soalan yang berbentuk skala, seterusnya penyelidik menganalisis ke atas data-data diskripsi dan akhir sekali penyelidik menganalisis ujian t tidak bersandar bagi melihat skor min. Dalam bab ini juga, penyelidik telah membuat interpretasi ke atas analisis yang telah dibuat. interpretasi ini penting bagi melihat hubungan kait di antara hasil dapatan kajian dengan objektif kajian.

Bab 6, adalah bab kesimpulan dan cadangan, menerusi bab ini, penyelidik menghuraikan kesimpulan daripada keseluruhan tesis dan menyenaraikan beberapa cadangan berpandukan hasil dapatan kajian. selain itu, penyelidik juga menyenaraikan beberapa implikasi hasil daripada penyelidikan ini.

1.10 KESIMPULAN

Bab satu ini telah mengupas secara mendalam intipati kajian yang meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, definisi operasional, ruang lingkup dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian, dan organisasi kajian. Bab ini juga mengambarkan tujuan kajian ini dijalankan, disamping mengariskan beberapa objektif untuk dicapai dalam kajian. Hasil dapatan kajian akan menjawab persoalan kajian dan secara langsung mencapai objektif kajian.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.0 Pengenalan

Pengenalan mengenai hubungan etnik disentuh secara mendalam menerusi bab ini, melibatkan tinjauan terhadap kajian-kajian lepas mengenai hubungan etnik. Tinjauan terhadap kajian lepas, dapat membantu penyelidik memahami teori-teori dan konsep-konsep yang berhubung kait dengan hubungan etnik. Penyelidik memilih untuk menggunakan konsep asimilasi dalam menganalisis interpretasi hasil dapatan penyelidikan ini.

Pada peringkat awal bab ini, penyelidik membincangkan dengan lebih mendalam mengenai hubungan etnik berdasarkan sorotan beberapa karya dan kajian-kajian lepas. Kemudian penyelidik mengutarakannya beberapa konsep yang menjadi asas dalam hubungan etnik, seterusnya penyelidik memilih teori asimilasi dan konsep asimilasi. Akhir sekali penyelidik memperincikan kerangka konseptual yang menjadi teras dalam penyelidikan ini.

2.1 Hubungan Etnik di Negeri Kelantan

Berdasarkan kajian lepas, terdapat beberapa individu yang membuat kajian yang berkaitan etnik minoriti di negeri Kelantan, antaranya ialah, Kershaw (1973), Tan Chee Beng (1984), Winzeler, R.L (1985), Hanapi Dollah (1986), Kok Seong Teo (2003), Ngeow Yeok Meng (2007), dan Mohamed Yusoff (2008) . Catatan yang dibuat oleh mereka ini, turut mengutarakan proses asimilasi yang berlaku terhadap masyarakat minoriti di Kelantan.

Tan Chee Beng (1984), beliau telah membincangkan proses akulturasi dan asimilasi yang berlaku ke atas etnik minoriti seperti Cina, dan lain-lain etnik seperti India dan Thai. Proses asimilasi dan akulturasi dilihat berlaku dalam kelompok masyarakat Cina Peranakan, Baba dan Nyonya. Beliau meninjau proses tersebut di beberapa negeri termasuk Kelantan. Penulisan beliau membincangkan soal kahwin campur sebagai salah satu faktor yang menyebab seseorang itu berasimilasi, misalnya perkahwinan di antara etnik Melayu dan Cina.

Menurut Winzeler (1985) menerusi kajian beliau terhadap hubungan etnik di negeri Kelantan mendedahkan tentang hubungan etnik di kalangan masyarakat minoriti iaitu Cina dan Siam yang lebih terarah kepada konteks hubungan perekonomian dengan orang Melayu disamping melihat corak kehidupan sosiobudaya kedua-dua kaum tersebut (Winzeler, 1985).

Hanapi Dollah (1986), telah melakukan kajian terhadap proses asimilasi budaya yang berlaku pada etnik minoriti di Kelantan terutamanya etnik berketurunan Cina yang berada di sekitar tebing sungai Kelantan. Beliau melihat corak kebudayaan kelompok minoriti dengan meneliti sejauhmanakah kelompok kebudayaan berkenaan dipengaruhi oleh unsur-unsur kebudayaan etnik Melayu yang juga etnik majoriti di Kelantan. Beliau juga meneliti faktor-faktor yang memberi kesan kepada proses asimilasi seperti gaya hidup, percakapan, makanan, pendidikan, corak kepimpinan dan politik (Hanapi Dollah, 1986).

Kok Seong Teo (2003) melihat proses asimilasi yang berlaku terhadap masyarakat Cina peranakan Kelantan. Beliau telah mendedahkan bagaimana masyarakat Cina Peranakan mengalami asimilasi dalam konteks bahasa. Menurut

beliau, Cina peranakan Kelantan tidak mengenakan pakaian seperti pakaian kaum Melayu, tetapi mereka berkebolehan bertutur dalam bahasa melayu Kelantan dan Thai. Selain itu, Kok juga mengkategorikan etnik Cina kepada empat kumpulan iaitu, Cina tulen, Cina campur, Cina Baba dan Cina Peranakan. Klasifikasi tersebut dibuat mengikut proses asimilasi dan akulterasi kumpulan etnik tersebut. Misalnya bilangan etnik Cina tulen yang berasimilasi dan akulterasi amat rendah, manakala etnik Cina campur bilangannya agak kecil berbanding Cina Baba yang agak tinggi asimilasi dan akulterasi, akhir sekali Cina Peranakan paling ramai yang asimilasi dan akulterasi (Kok Seong Teo,2003).

Mohamed Yusoff (2008) melihat hubungan etnik antara etnik Melayu Islam dan orang Siam Buddha di Kelantan. Beliau melihat bagi mana orang Siam di Kelantan boleh wujud sebagai golongan minoriti dan mengamalkan budaya dan agama mereka dalam sebuah persekitaran sosial yang didominasi oleh kaum Melayu (Mohamed Yusoff, 2008.p. 179). Selain itu, MohamedYusoff (2006) turut memberi gambaran awal kedatangan etnik Siam ke negeri Kelantan dan agama budaya yang dianuti oleh majoriti etnik Siam. Beliau juga membincangkan mengenai penerimaan penduduk setempat terhadap penduduk Siam yang beragama Buddha (Mohamed Yusoff, 2006).

Ngeow Yeok Meng (2007), menjalankan kajian ke atas etnik minoriti di negeri Kelantan. Etnik minoriti yang difokuskan oleh beliau ialah etnik Cina. Beliau mendalami pandangan etnik Cina terhadap cita-cita kerajaan negeri di bawah pentadbiran PAS yang ingin membina sebuah pemerintahan Islam di negeri tersebut. Hasil tinjauan beliau terdapat lima faktor yang boleh menjurus kepada pembinaan negeri Islam iaitu, politik, agama, intergrasi, memahami Islam dan ethnocentrism (Ngeow Yeok Meng, 2007. p.3).